

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesan kerjasama eksplorasi gas dan minyak di antara China National Offshore Oil Corporation (CNOOC) dan Philippine National Oil Company-Exploration Corporation (PNOC-EC) di Laut China Selatan akan merubah dinamik hubungan di Laut China Selatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Laut China Selatan merupakan suatu isu yang sensitif dan kompleks. Sehubungan dengan itu, ia memerlukan satu pendekatan yang komprehensif untuk mengelakkan ketegangan antara pihak-pihak yang berkaitan.

3. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau, Malaysia berpendirian semua pihak perlu menghormati undang-undang

## NO. SOALAN : 2

antarabangsa, menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara aman, dan mengelakkan penggunaan kekerasan atau ancaman kekerasan.

4. Ini termasuklah melalui usaha-usaha kerjasama untuk meningkatkan hubungan antara satu sama lain bagi kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Malaysia mengambil maklum keputusan oleh kedua-dua negara Filipina dan China untuk menjalin kerjasama dalam bidang eksplorasi hidrokarbon melalui *Philippine National Oil Company-Exploration Cooperation* (PNOC-EC) dan *China National Offshore Oil Cooperation* (CNOOC). Saya percaya kedua-dua negara tersebut telah membuat pertimbangan sewajarnya dalam mencapai keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Menyentuh mengenai dinamik hubungan di Laut China Selatan, mekanisme kerjasama dan rundingan ASEAN – China masih berterusan. Selain daripada komited dengan pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China sedang meneruskan rundingan Kod Tatalaku di Laut China Selatan dengan momentum yang positif. Malah, Filipina merupakan negara penyelaras (*country coordinator*) bagi Hubungan Dialog ASEAN-China untuk tempoh 2018-2021.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Menurut maklumat awal yang diperolehi, adalah difahamkan bahawa cadangan kerjasama eksplorasi hidrokarbon antara Filipina dan China ini tidak akan melibatkan kawasan perairan Malaysia berdasarkan Peta Malaysia 1979.

7. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia akan sentiasa memantau perkembangan berhubung perkara ini untuk memastikan kedaulatan, hak-hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.